

Kepimpinan Alumni al-Azhar dalam Pengurusan Konflik Keagamaan dan Kaum di Malaysia

The Leadership of al-Azhar Alumni in Managing Religious and Ethnic Conflicts in Malaysia

Mustaffa Abdullah (Corresponding Author)
Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam.
Centre of Quranic Research (CQR).
Universiti Malaya. 50603. Kuala Lumpur. Malaysia
mustaffa@um.edu.my

Fakhrudin Abdul Mukti
Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali.
BE1310. Brunei Darussalam.
fakhrudin.abdulumukti@unissa.edu.bn

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol53no2.3>

Abstract

Malaysia is a country renowned for one of its unique characteristics, a pluralistic society. The long course of history has been a major factor contributing to the existence of various differences among the Malaysian population in many aspects. These differences, which add to the distinctiveness of the nation, require proper management, as the failure to handle them appropriately could lead to worrying conflicts, potentially resulting in hostility and division that may threaten national peace. Accordingly, this writing was conducted to examine the actions taken by selected alumni of al-Azhar University who have served as leaders in addressing conflicts. This article employs qualitative methods, particularly library research, by reviewing previous studies to identify interreligious and interethnic issues and analyzing the actions of selected al-Azhar alumni, with special attention to the approaches they adopted in managing conflicts. The selected alumni include Prof. Emeritus Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Dato' Ustaz Haji Fadzil Mohd Noor, Tan Sri Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdullah Md Zin, Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa, and Dato' Syekh Haji Mohd Murtadza Ahmad. The findings indicate that the leadership of the al-Azhar alumni applied diplomatic approaches, engaging in wise and harmonious negotiations among the parties involved and religious approaches, by providing clear and courteous explanations and guidance.

Keywords: Pluralistic society; conflict management, al-Azhar university alumni; diplomatic approach; religious approach

Abstrak

Malaysia merupakan sebuah negara yang terkenal dengan salah satu ciri uniknya, iaitu masyarakat yang bersifat majmuk. Sejarah panjang negara ini menjadi faktor utama yang menyumbang kepada kewujudan pelbagai perbezaan dalam kalangan penduduk Malaysia dari semua aspek. Kepelbagaian yang menambah keistimewaan negara, memerlukan pengurusan yang tepat oleh sebab kegagalan menanganinya dengan baik boleh membawa kepada konflik yang membimbangkan sekali gus berpotensi menimbulkan permusuhan dan perpecahan yang boleh mengancam keamanan negara. Sehubungan itu, penulisan ini dijalankan bagi meneliti tindakan yang diambil oleh beberapa alumni Universiti al-Azhar terpilih yang telah berkhidmat sebagai pemimpin dalam menangani konflik. Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif khususnya kajian kepustakaan dengan meninjau kajian-kajian lepas bagi mengenal pasti isu antara agama dan kaum serta menganalisis tindakan para alumni al-Azhar terpilih dengan memberikan perhatian khusus kepada pendekatan yang digunakan dalam menguruskan konflik. Alumni yang dipilih termasuk Prof. Emeritus Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Dato' Ustaz Haji Fadzil Mohd Noor, Tan Sri Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdullah Md Zin, Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa dan Dato' Syeikh Haji Mohd Murtadza Ahmad. Dapatan menunjukkan bahawa kepimpinan alumni al-Azhar menggunakan pendekatan diplomatik melalui rundingan yang bijaksana dan harmoni antara pihak-pihak berkepentingan serta pendekatan keagamaan melalui penyampaian penjelasan dan bimbingan yang jelas serta beradab.

Kata Kunci: Masyarakat majmuk; pengurusan konflik; alumni Universiti al-Azhar; pendekatan diplomatik; pendekatan keagamaan

Pendahuluan

Pengurusan perbezaan yang efektif merupakan suatu usaha yang perlu disokong. Ini kerana sekalipun sesuatu konflik yang terjadi itu tidak dapat dihindari secara total, namun sekurang-kurangnya kesan konflik tersebut dapat diminimumkan dan diusahakan supaya mendapat keputusan atau kata akhir yang positif serta tidak merosakkan perpaduan nasional.¹ Usaha untuk mencapai dan mengekalkan keamanan negara perlu dimulai dengan menyelami sejarah supaya dapat mengambil pengajaran daripada episod-episod lampau. Sejarah telah menunjukkan bahawa sejak sekian lama Tanah Melayu tidak pernah sunyi dijenguk isu-isu kontroversi hingga menyebabkan terjadinya konflik antara kaum dan agama di negara. Menyoroti sejarah, kajian Khatijah dan Fadzli telah mengenalpasti isu-isu utama yang menjadi faktor kemunculan konflik perkauman dan agama di Malaysia bagi tempoh empat dekad terkebelakang. Hasil analisis menunjukkan bahawa konflik yang berlaku di setiap dekad berpunca daripada isu yang berbeza-beza. Sekitar tahun 1950 sehingga 1960 konflik yang berlaku di Tanah Melayu kebanyakannya disebabkan oleh isu kewarganegaraan dan kontrak sosial. Konflik pada dekad kedua pula adalah disebabkan oleh isu-isu berkaitan bahasa, manakala pada tahun 1970 sehingga 1980 isu kuota dan urbanisasi pula yang dipolemikkan. Memasuki tahun 1990 sehingga kini, Malaysia berdepan dengan isu-isu agama yang menjadi watak utama di sebalik konflik-konflik yang berlaku² sama ada isu-isu agama tersebut menyentuh aspek teologi seperti isu penggunaan kalimah Allah dan murtad, atau aspek sosial seperti rumah ibadat dan pemakaian simbol agama lain, ataupun aspek etika seperti menghina agama lain.³

¹ Mohd Anuar Ramli et al., "Isu-isu Sensitif dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia Pasca Pilihanraya Umum (Pru14): Aplikasi Pendekatan Kesederhanaan," dalam *Penyelidikan Serantau Islam dan Alam Melayu Pendidikan, Kewangan, Kehartaan dan Isu Kontemporari*, ed. Mohd Roslan Mohd Nor, Khader Ahmad dan Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2018), 2

² Siti Khatijah Yasin dan Fadzli Adam, "Sensitiviti Agama dalam Hubungan Masyarakat Pelbagai Kaum di Malaysia" (Proceedings of International Conference of Empowering Islamic Civilization, Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, 7-8 October 2017), 18

³ Nur Farhana Abdul Rahman dan Nur Syariah Muhammad Shah, "Persepsi Penganut Muslim dan Bukan Muslim Terhadap Isu-isu Sensitif Agama: Kajian di Lembah Klang," *International Journal of Islamic Thought* 18 (2020), 97.

Dapatan ini disokong oleh kajian Faisal dan A'riff yang mengatakan bahawa faktor perbezaan agama bakal menjadi punca utama berlakunya konflik politik bukan lagi kerana perbezaan ekonomi dan etnik.⁴ Dalam pada itu, selain menitikberatkan sejarah, masyarakat juga perlu bersedia untuk mendedahkan diri dengan pengetahuan agama-agama lain dan memahami titik-titik sensitiviti dan menghormatinya ketika berinteraksi bersama. Memiliki pengetahuan tentang aspek agama lain seperti mengetahui apakah perkara yang dibenarkan dan tidak dibenarkan oleh sesuatu agama, maka secara tidak langsung perasaan setiap penganut beragama akan terjaga kerana berinteraksi sambil mengamalkan sikap saling menghormati.⁵

Selain inisiatif daripada setiap rakyat, pihak kerajaan juga memainkan peranan penting dalam menunjukkan ketegasan sebagai pihak penguasa dan pentadbir dengan menubuhkan polisi yang komprehensif dan memperkukuhkannya menerusi pelaksanaan supaya tindakan yang tegas dapat diambil ke atas pihak-pihak yang sengaja mengambil kesempatan melakukan manipulasi dan propaganda terhadap isu etnik dan agama demi kepentingan kumpulan yang tersendiri tanpa mengambil kira kesan daripada tindakannya yang akan mencetuskan konflik dan keseteruan dalam kalangan masyarakat.⁶ Justeru, penulis melihat bahawa usaha menangani konflik agama dan kaum adalah tanggungjawab bersama kerana cita-cita untuk mengecapi kesejahteraan hidup dalam kepelbagaian adalah impian setiap rakyat. Maka, setiap individu perlu memainkan peranan masing-masing untuk berusaha memahami sejarah dan mengambil tahu perihal agama lain supaya terbit rasa hormat dan bijak mengendali perbezaan.

Sehubungan dengan itu, penulisan ini dijalankan untuk mengkaji tindakan-tindakan yang telah diambil dan dilakukan oleh alumni Universiti al-Azhar sepanjang penglibatan dalam

⁴ Muhamad Faisal Ashaari dan Muhamad A'riff Khushairi, "Isu-Isu Agama dalam Hubungan antara Kaum di Malaysia 1980-2005," *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2.1 (2019), 88.

⁵ Nur Farhana dan Nur Syariah, "Persepsi Penganut Muslim dan Bukan Muslim," 95-96.

⁶ Khairul Azhar Meerangani, Muhammad Ikhlas Rosele dan Syamsul Azizul Marinsah, "Pendekatan Wasatiyyah dalam Interaksi Inter-Agama di Malaysia," *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB) Bil. 31 (2) 2020 (Disember)*, 21.

memimpin sesebuah organisasi ketika berdepan dengan konflik. Walaupun kenyataannya mungkin berbeza pada aspek konteks dan cabaran, namun penulis percaya bahawa tindakan dan pendekatan yang diambil selaku pemimpin boleh dijadikan inspirasi untuk diimplimentasikan oleh pemimpin semasa atau akan datang khususnya ketika berhadapan dengan konflik agama dan kaum yang sentiasa menjadi topik dan modal yang hangat untuk dicetuskan.

Landskap Masyarakat Majmuk di Malaysia

Konsep kehidupan majmuk yang menjadikan Malaysia sebuah negara yang unik ini adalah rentetan daripada kesan sejarah yang panjang. Dikatakan bahawa kepelbagaian rumpun yang wujud di Malaysia ini secara tidak langsung telah bermula sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Kedatangan pendatang asing secara sukarela atas faktor penyebaran dakwah Islam serta urusan perniagaan telah menyebabkan kedatangan ramai pedagang dari serata dunia seperti Arab, Cina, India dan lain-lain ke Tanah Melayu. Pendatang tersebut menjalani kehidupan dan berinteraksi dengan masyarakat Tanah Melayu dan kemudiannya membentuk keturunan melalui pernikahan dengan masyarakat tempatan.⁷ Pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia menjadi semakin berkembang setelah kedatangan British dan tindakan imperialisme ke atas penduduk Tanah Melayu. Pihak British menjadikan Tanah Melayu sebagai hub ekonomi yang menumpukan kegiatan perlombongan dan perladangan demi menyempurnakan keperluan rakyat di negara. Usaha melancarkan perancangan hub ekonomi ini memerlukan kepada tenaga buruh yang ramai. Justeru, imigran-imigran China dan India dibawa masuk ke Tanah Melayu kerana tuntutan tenaga buruh bagi menggerakkan kerja-kerja dalam industri perlombongan bijih timah dan lada hitam di Tanah Melayu. Kemasukan imigran ke Tanah Melayu semakin rancak apabila pihak British membuka Pulau Pinang pada tahun 1786, Singapura pada tahun 1819 dan secara rasmi menubuhkan Negeri-negeri Selat pada tahun 1826.⁸ Di samping itu, British

⁷ Muhamad Amar Mahmud, "Persepsi Pelajar 1 Malaysia Terhadap Kursus Hubungan Etnik: Satu Kajian di UUM," *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)* 30.1 (2019), 95.

⁸ Aszlan Selamat dan Mohamad Iszuan Safarudin, "Penilaian Faktor Kesenjangan Etnik di Malaysia Sebagai Penghalang Perpaduan Nasional," *Jurnal Kinabalu* 19 (2016), 80.

melaksanakan dasar 'pintu terbuka'. Dengan hal yang demikian, Tanah Melayu menjadi tumpuan dan menyambut ketibaan ramai imigran asing.⁹ Dengan ini, bermulalah pembawaan masuk pelbagai budaya, adat resam, bahasa, agama dan kepercayaan asing ke Tanah Melayu.¹⁰

Antara gaya pemerintahan British adalah mengaplikasikan dasar 'pecah dan perintah' ke atas masyarakat Tanah Melayu. Dasar ini berkonsepkan pengasingan secara berkelompok mengikut kaum dan kegiatan ekonomi utama bagi sesuatu kaum tersebut. Tiga kaum utama di Tanah Melayu iaitu Melayu, Cina dan India dipisahkan penempatan antara satu sama lain. Kaum Melayu dibiarkan hidup di kawasan kampung luar bandar yang menjadikan kegiatan pertanian dan pekerjaan sebagai nelayan sebagai sumber ekonomi. Orang Melayu juga hanya diberikan jawatan sebagai pegawai-pegawai kecil. Kaum Cina ditempatkan di kawasan bandar untuk mengurus kegiatan perniagaan dan perlombongan. Manakala, kaum India bekerja di sektor perladangan menoreh getah. Oleh itu, orang India ditempatkan di kawasan-kawasan estet.¹¹ Dasar yang menghalang integrasi kaum ini sengaja diimplimentasikan untuk mengelakkan kesatuan dan pemberontakan ke atas pemerintah. Dasar 'pecah dan perintah' ini juga telah meninggalkan kesan yang negatif terhadap masyarakat Tanah Melayu terutama kepada aspek ekonomi dan sosial.

Setiap kaum yang diasingkan penempatan berdasarkan kegiatan ekonomi yang tersendiri semestinya mendapat hasil pulangan yang berbeza. Perkara ini juga kemudiannya mewujudkan jurang pendapatan yang besar antara kaum. Masyarakat Melayu yang tinggal di kawasan-kawasan pedalaman jauh daripada pembangunan, hidup dalam kemiskinan kerana hanya bergantung kepada konsep ekonomi sara diri. Masyarakat Cina dan India pula berpeluang mengecapi sedikit kemewahan berbanding kaum Melayu kerana tinggal di kawasan-kawasan

⁹ Mohd Anuar Ramli dan Mohammad Aizat Jamaludin, "Uruf Majmuk: Konsep dan Amalannya dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia," *Jurnal Fiqh* 8 (2011), 50.

¹⁰ Baterah Alias, Huzaimah Ismail dan Che Zarinna Sa'ari, "Perpaduan Kaum di Malaysia: Suatu Penilaian" (Technology, Science, Social Sciences and Humanities International Conference (TeSSH I 2014), One Hotel Helang, Langkawi, Kedah, Malaysia, 5 & 6 November 2014), 145.

¹¹ Nazri Muslim et al., "Persepsi Pelajar UKM Terhadap Hubungan Etnik di Malaysia," *Al-Hikmah* 8.2 (2016), 39-45.

bandar dan mendapat perhatian daripada pihak British. Ketidakseimbangan ini secara tidak langsung telah mewujudkan persaingan secara tidak sihat, kemudiannya melahirkan perasaan cemburu sesama kaum kerana mendapati bahawa kaum lain mampu memperoleh pendapatan yang lebih disebabkan pembahagian keistimewaan yang tidak adil oleh pemerintah. Faktor penempatan dan segregasi ekonomi yang menyebabkan kurangnya interaksi antara kaum menghebatkan lagi prasangka dan mudah menimbulkan konflik kerana setiap kaum memiliki stigma yang tersendiri terhadap kaum yang lain.¹²

Stigma dan gaya pemikiran ini kemudiannya menjadi faktor utama kepada penentuan corak politik di Malaysia. Penubuhan parti-parti politik yang ditubuhkan sejurus sahaja Tanah Melayu mendapat kemerdekaan adalah dengan pembawaan hasrat dan cita-cita kaum masing-masing. Justeru, percaturan politik Malaysia berpotensi berhadapan dengan kesukaran untuk mencapai perpaduan kerana berdepan dengan konflik dalaman dan luaran kesan daripada persaingan politik tidak sihat yang mengangkat kepentingan parti sendiri semata-mata.¹³ Selain daripada faktor politik yang bersifat perkauman, menurut Bateriah Alias et al. terdapat pelbagai lagi faktor kesenjangan antara kelompok di Malaysia. Antaranya adalah kurang memahami peruntukan perlembagaan negara dan dasar-dasar kerajaan, tidak memahami hak kebebasan beragama di samping tidak berdisiplin mengamalkan perintah agama yang dianuti, terdapat jurang pendidikan antara kaum, kurang memahami konsep kepelbagaian budaya hidup bermasyarakat, tidak menghormati adat dan budaya etnik lain serta hilangnya semangat kejiwaan.¹⁴ Faktor ini secara tidak langsung mewarisi kesan peninggalan daripada bentuk pentadbiran penjajah lampau yang kemudiannya melahirkan bibit semangat perkauman yang kian menebal. Fenomena ini sekiranya dibiarkan berlanjutan dan tidak ditangani dengan langkah proaktif, maka cita-cita untuk menyaksikan kekuatan nilai kesatuan dan perpaduan diamalkan di Malaysia tidak akan berkesampaian

¹² P'ng Jia Qian et al., "Perbezaan Amalan Ekonomi Mengikut Kaum Menjadi Racun Perpaduan" dalam *E-Prosiding Wacana Perpaduan Kalangan Belia Era PKP 2.0*, ed. Nur Azuki Yusuff dan Muhammad Hafizuddin Hujji (Kelantan: Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan Universiti Malaysia Kelantan, 2021), 36.

¹³ Mohd Anuar et al., "Isu-isu Sensitif dalam Masyarakat Majmuk," 3.

¹⁴ Bateriah, Huzaimah dan Che Zarrina, "Perpaduan Kaum di Malaysia," 144.

kerana berhadapan dengan konflik antara kaum dan agama yang membimbangkan.¹⁵

Konflik Isu Agama dan Kaum di Malaysia

Senario kehidupan masyarakat majmuk memperlihatkan bahawa sebarang topik yang menyentuh isu agama sama ada inter-agama atau intra-agama dan kaum merupakan hal yang begitu sensitif untuk dibincangkan secara semberono sehinggakan sebarang bentuk tindakan atau kata yang berbaur maksud penghinaan akan dianggap sebagai perbuatan melanggar kesucian agama sekaligus berpotensi memberikan kesan domino terhadap perpaduan kaum. Tambahan pula, kehebatan penggunaan teknologi di era kini yang dikawal oleh kuasa ‘viral’ merencanakan lagi penularan berita-berita panas melalui hantaran atau perkongsian terkandung hasutan melalui ciri ciapan, kongsi, reaksi dan ketersediaan ruangan komen di akaun-akaun media sosial. Di bahagian ini penulis membawakan beberapa contoh isu terkini yang berpotensi untuk membuka ruang terjadinya konflik isu agama dan kaum di Malaysia sekiranya tidak diatasi dengan pendekatan yang harmoni dan adil khususnya oleh para pemimpin.

Antara isu agama yang turut menimbulkan konflik antara kaum adalah baru-baru ini tular sebuah video yang memaparkan tiga orang penyampai radio tempatan yang meniru aksi dan mempersendakan satu tarian keagamaan agama Hindu iaitu tarian Kavadi yang kebiasaannya dilakukan sewaktu perayaan Thaipusam. Menyedari bahawa isu ini telah mendapat liputan luas daripada pelbagai pihak di media sosial, pihak kerajaan melalui Kementerian Komunikasi telah mengarahkan pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) supaya menjalankan siasatan ke atas ketiga-tiga individu yang terlibat dan akhirnya diberikan hukuman digantung tugas sehingga proses siasatan dalaman selesai. Rentetan isu ini juga, suatu hantaran dibuat oleh seorang pendakwah bebas, Muhammad Zamri Vinoth Kalimuthu di laman Facebook yang menyifatkan bahawa keadaan penganut Hindu dalam upacara Kavadi ketika perayaan Thaipusam itu “macam orang kena rasuk sambil mabuk todi”. Lantaran itu Ahli Parlimen Tapah, Datuk Seri M. Saravanan

¹⁵ Mohd Anuar dan Mohammad Aizat, “‘Uruf Majmuk,” 52.

merangkap Timbalan Presiden Malaysian Indian Congress (MIC) mencabar pendakwah tersebut untuk berdebat dengannya. Walau bagaimanapun, debat antara agama tersebut tidak berjaya direalisasikan kerana dibatalkan sendiri oleh Datuk Seri M. Saravanan setelah menuruti nasihat Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang bahawa penganjuran debat sedemikian berpotensi meninggalkan risiko keretakan perpaduan negara. Begitu juga dengan isu seorang pegawai farmasi yang disyaki telah memuat naik komen menghina Nabi Muhammad SAW di laman sosial Facebook turut mengundang gangguan ketenteraman awam.

Berkaitan isu rumah ibadah pula, Kuil Dewi Sri Pathrakaliyamman yang terletak di Jalan Munshi Abdullah, Kuala Lumpur menjadi isu kontroversi apabila tapak kuil berkenaan akan digunakan untuk membina Masjid Madani. Hasil rundingan antara pihak pengurusan kuil dengan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Kuil Dewi Sri Pathrakaliyamman diberikan tanah percuma oleh pihak DBKL dan dipindahkan ke kawasan baharu supaya dapat meneruskan pengamalan agama seperti biasa tanpa dikenakan sebarang pampasan. Kaedah 'land swap' yang dilakukan oleh pihak DBKL ini telah menimbulkan ketidakpuasan hati orang Melayu dan bangsa lain kerana tindakan tersebut seolah-olah akur kepada kehendak penceroboh tanah dan lemah apabila sentimen agama dan perkauman digunakan serta dilibatkan orang-orang politik khusus dalam proses pembinaan rumah ibadah. Dakwaan ini berasaskan kenyataan bahawa Kuil Dewi Sri Pathrakaliyamman yang telah wujud sejak sekian lama itu dibina secara tidak sah di atas tanah swasta iaitu milik Syarikat JAKEL yang telah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang (KM) daripada pihak DBKL untuk membina masjid pada tahun 2020 yang lalu.

Selain isu penghinaan agama dan rumah ibadah, aspek penghayatan dan pengamalan agama juga sering menjadi konflik di Malaysia. Sebagai contoh, sekumpulan individu dilaporkan telah melakukan aktiviti berzikir secara pelik dengan suara yang kuat di Tanah Perkuburan Islam Taman Ibu kota, Setapak. Keadaan berzikir secara aneh dan kuat itu menimbulkan kontroversi kerana telah menimbulkan ketakutan kepada sebahagian masyarakat setempat dengan perbuatan yang

dibimbangi bersalahan dengan pegangan akidah Islam. Selain itu, krisis nasab yang dihadapi oleh kanak-kanak Global Ikhwan Sdn. Bhd. (GISB)¹⁶ adalah kesan daripada pengamalan agama yang menyeleweng. Pemesongan kefahaman ini menjadi sebahagian daripada isu agama yang perlu ditangani dengan berhemah. Golongan kanak-kanak yang menjadi mangsa kejahilan dan kenafian ibu bapa yang menyertai GISB berdepan dengan risiko pengisytiharan sebagai anak wati syubhah, iaitu status yang diberikan kepada anak-anak yang lahir daripada persetubuhan yang tidak sah kerana tiada pengakuan nasab yang meyakinkan daripada ibu bapa. Tambah menyedihkan, terdapat ibu bapa yang seakan-akan tidak mengenali anak-anak dan perkara ini menjadikan status nasab yang diselamatkan di rumah amal GISB tersebut adalah samar.

Pendekatan Kepimpinan Alumni al-Azhar

Gaya pengajian di Universiti al-Azhar yang mendidik para penuntutnya supaya membuat penilaian terhadap sesuatu permasalahan atau perselisihan pendapat dalam agama dengan pendekatan yang adil dan sederhana serta mengutamakan masalah kepada umat sejagat seakan telah tertanam utuh dalam diri pelajar. Gaya dan pendekatan itu cuba diaplikasikan oleh alumni al-Azhar pada segenap aspek kehidupan terutama apabila terlibat untuk menerajui kepimpinan negara dan berdepan dengan realiti masyarakat yang melibatkan permasalahan yang bukan berkait agama semata-mata. Dengan hal yang demikian, penting untuk ditonjolkan bagaimana pendekatan kepimpinan alumni al-Azhar ketika menghadapi konflik supaya dapat meneladani gaya kepimpinan yang berfikir menggunakan neraca wasatiyyah dan mengutamakan masalah ummah walaupun pada konteks isu yang berbeza. Pendekatan itu seterusnya dapat diaplikasikan untuk menangani isu berkaitan konflik agama dan kaum yang berlaku di Malaysia. Antara pendekatan sebahagian alumni al-Azhar yang terpilih untuk dikaji dalam penulisan ini adalah menggunakan pendekatan diplomasi iaitu rundingan dengan pihak yang terlibat

¹⁶ Bernama, "Krisis Nasab: Kanak-Kanak GISBH Berdepan Risiko Diisytihar Anak Wati Syubhah", diakses 18 Disember 2025, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1303930/krisis-nasab-kanak-kanak-gisbh-berdepan-risiko-diisytihar-anak-wati>.

secara harmoni dan pendekatan agama iaitu memberikan penerangan dengan cara yang baik dan jelas.

Diplomasi

Secara umumnya, diplomasi bermaksud perbuatan mengelola hubungan antara negara dengan penuh kebijaksanaan tanpa menyakiti apatah lagi mengancam pihak lain. Manakala, diplomasi dalam konteks penulisan ini menfokuskan kepada konsep rundingan antara satu pihak dengan yang lain secara bijak dengan meraikan nilai tolak ansur, empati, halus, sopan, tiada provokasi, saling memahami, berstrategi dan saling membantu supaya dapat mencapai membuat keputusan yang adil dan diterima oleh semua yang terlibat.¹⁷

Menghadapi kemelut politik di Malaysia yang dicituskan oleh propaganda agama dan sentimen kaum oleh sebahagian pihak, al-Marhum Dato' Mahmood Zuhdi selaku mantan Pengerusi Majlis Dakwah Negara (MDN) telah bertindak dengan penuh prihatin dan cekap dalam mengenal pasti permasalahan politik semasa yang dirasakan berpotensi menumbuhkan benih-benih perpecahan dalam kalangan masyarakat lalu mengambil tindakan yang sewajarnya. Selaku 'orang lama' dan sebagai seorang figura yang berpengaruh di Malaysia, Dato' Mahmood Zuhdi menggunakan kedudukan sebagai Pengerusi MDN menyuarakan pendapat serta nasihat sama ada kepada orang politik atau masyarakat awam.

Selain itu, Dato' Mahmood Zuhdi melancarkan kerjasama dengan pihak Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) bagi menganjurkan Multaqa Perpaduan Ummah pada 22 Mei 2016 yang lalu. Program ini melibatkan hampir 200 peserta yang melibatkan ahli politik, ahli akademik, pemimpin pertubuhan bukan kerajaan, pemimpin masyarakat dan golongan profesional. Matlamat perjumpaan tersebut adalah membincangkan secara harmoni berkenaan realiti masalah perpecahan yang berlaku di Malaysia. Majoriti daripada para peserta persidangan bersetuju bahawa punca utama perbalahan dan perpecahan dalam kalangan

¹⁷ Ahmad Kamal Ariffin dan Mohamad Hanif Ramli, "Hubungan Diplomasi dengan Aspek Bahasa dan Budaya: Satu Tinjauan Ilmiah untuk Rujukan Kepimpinan Pendidikan Sekolah di Malaysia," *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan* 32.1 (2019), 68.

rakyat adalah disebabkan perbezaan ideologi politik sehingga menyentuh batasan agama. Antar lain tindakan yang mengundang pertelingkahan adalah seperti berani mengkafirkan, memfitnah dan membongkar aib antara satu sama lain. Keadaan ini mengganggu ekosistem kehidupan sejahtera dan dibimbangi memberikan kesan kepada pegangan agama masyarakat. Dalam pertemuan tersebut, semua pihak bersetuju untuk bersama-sama komited mencari penyelesaian dan bekerjasama dalam merealisasikannya. Menyedari kenyataan yang mendukacitakan itu, satu resolusi yang padat dan tuntas telah dikeluarkan hasil daripada perjumpaan tersebut. Ahli persidangan bersetuju untuk menubuhkan Sekretariat Khas.¹⁸

Organisasi Sekretariat Khas tersebut dianggotai oleh para ilmuwan dan tokoh yang merentasi ideologi politik masing-masing. Ahli Sekretariat Khas memainkan peranan sebagai penggerak utama kepada segala perancangan penyatuan sepertimana yang telah disepakati dalam perjumpaan. Ahli Sekretariat Khas perlu menghadap Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu selaku tunggak urusan agama dan penjaga rakyat Malaysia supaya turut campur tangan dalam permasalahan ini. Selain itu, Ahli Sekretariat Khas turut mengadakan kunjungan hormat kepada ketua parti politik, barisan Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri bagi membincangkan pendekatan yang sesuai sebagai solusi berdepan dengan isu perpecahan yang berlaku. Di peringkat pertubuhan (NGO) pula, Ahli Sekretariat Khas menganjurkan dialog bagi mendengar pandangan masing-masing berkenaan solusi terhadap isu ini. Seterusnya, Ahli Sekretariat Khas menemui masyarakat untuk melaksanakan segala cadangan dan mengenal pasti dengan lebih mendalam faktor perpecahan. Di samping itu, Ahli Sekretariat Khas memanfaatkan kemudahan aplikasi penghubung terkini seperti WhatsApp, Instagram, Facebook dan selainnya untuk meluaskan lagi sebaran mesej-mesej bertemakan perpaduan. Terdapat juga usul supaya dibentuk *multaqa khas* yang terdiri hanya daripada golongan muda

¹⁸ “*Multaqa Perpaduan Ummah Lulus Resolusi Tangani Perpecahan*,” laman Sesawang Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), diakses 31 Januari 2025, <https://www.yadim.com.my/v2/multaqa-perpaduan-ummah-lulus-resolusi-tangani-perpecahan/>.

berumur 40 tahun ke bawah.¹⁹ Nama rasmi badan Ahli Sekretariat Khas ialah panel Perunding Perpaduan Ummah (PPPU) Majlis Dakwah Negara. Pembahagian ketua kumpulan kerja PPPU dibahagikan mengikut resolusi. Contohnya, Ketua Kumpulan Memperkukuh Institusi Raja-raja, Ketua Kumpulan Dialog Pemimpin dan Parti Politik, Ketua Kumpulan Mobilisasi Masyarakat Madani, Ketua Kumpulan Penyusunan Akar Umbi, Ketua Kumpulan Media dan Publisiti dan Ketua Kumpulan Belia dan Ilmuwan Muda.²⁰

Dato' Mahmood Zuhdi melalui MDN turut komited menangani isu perbezaan pandangan antara ahli politik di peringkat negeri. Dengan hal yang demikian, sayap MDN dilebarkan di peringkat negeri dengan penubuhan Suruhanjaya Majlis Dakwah Negara (MDN) Terengganu. Perkara yang sama juga dilakukan pada beberapa negeri lain seperti Kelantan, Kedah dan Sabah. Suruhanjaya MDN negeri ini juga berkongsi peranan yang sama iaitu sebagai ejen penyatuan apabila berdepan dengan isu perbezaan pendapat sesama ahli politik, tokoh-tokoh agama dan profesional yang berlaku dan boleh diselesaikan di peringkat negeri. Di bawahnya, ditubuhkan tiga dewan kerja utama iaitu Dewan Ekonomi, Dewan Pendidikan dan Dewan Sosiobudaya yang berfungsi sebagai badan yang bertanggungjawab dalam mengadakan rundingan dan selaku badan pelaksana rancangan kerja yang berobjektifkan pembangunan ummah serta pemeraksanaan dakwah di peringkat negeri.²¹

Selain itu, alumni al-Azhar seperti Ustaz Fadzil Mohd Noor selaku Ketua Pembangkang juga mengamalkan kaedah rundingan dan berjaya menyeru semua parti pembangkang, NGO dan tokoh-tokoh masyarakat negara bersatu di bawah suatu gerakan politik yang dinamakan sebagai Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (GERAK). Penubuhan GERAK adalah rentetan daripada

¹⁹ "Multaqat Rintis Perpaduan," laman Sesawang Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), diakses 31 Januari 2025, <https://www.yadim.com.my/v2/multaqa-rintis-perpaduan/>.

²⁰ "Ahli Panel dalam Kumpulan-kumpulan Kerja PPPU Dibentuk," laman sesawang Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), diakses 31 Januari 2025, <https://www.yadim.com.my/v2/ahli-panel-dalam-kumpulan-kumpulan-kerja-pppu-dibentuk/>.

²¹ "Suruhanjaya Majlis Dakwah Negara Terengganu Diwujudkan," laman sesawang Astro Awani, diakses 31 Januari 2025, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/suruhanjaya-majlis-dakwah-negara-terengganu-diuwujudkan-142918>.

episod penahanan Dato' Seri Anwar Ibrahim oleh Akta Keselamatan dalam Negeri (ISA). Tujuan rundingan dan penubuhan GERAK adalah untuk menunjukkan kesatuan bagi mendesak pihak kerajaan supaya membebaskan semua tahanan ISA kerana tindakan tersebut merupakan suatu kezaliman di samping menyatakan pandangan agar dimansuhkan akta yang berkaitan. Ustaz Fadzil Mohd Noor menasihati ahli PAS supaya memandangi isu ini sebagai isu kezaliman bukan dengan kaca mata kepartian. Oleh kerana itu, Ustaz Fadzil Mohd Noor mengumpulkan parti pembangkang, NGO dan tokoh-tokoh masyarakat supaya bersatu dalam menentang kezaliman.

Semangat juang yang ditunjukkan mengangkat Ustaz Fadzil Mohd Noor sebagai penggerak utama perjalanan dan perancangan tindakan GERAK. Antara parti pembangkang yang menyertai GERAK ialah Democratic Action Party (DAP) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM). Manakala, NGO yang turut terlibat ialah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Jemaah Islah Malaysia (JIM), Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Persatuan Ulama Malaysia (PUM) dan Suara Rakyat Malaysia (SUARAM). Antara tokoh-tokoh masyarakat yang bersama adalah seperti Tan Sri Abdul Samad Ismail iaitu Tokoh Wartawan Negara, Profesor Dr. Aziz Bari, Pakar Perlembagaan Negara dan Profesor Emeritus Dato' Shahnun Ahmad yang merupakan Tokoh Sasterawan Negara. Kesatuan tiga kategori ini di bawah GERAK adalah suatu tindakan yang efisien untuk kematangan politik Malaysia. Hal ini kerana, kuasa pengaruh yang dimiliki oleh setiap parti pembangkang, setiap organisasi NGO dan setiap tokoh masyarakat memudahkan penyampaian informasi kepada rakyat serta memberikan kesan yang lebih mendalam.

Begitu juga dengan penyampaian pandangan dan kritikan kepada pihak kerajaan akan terlihat lebih konkrit dan bersatu. Sikap terbuka yang ditonjolkan ketika berunding dan berinteraksi sama ada dengan pemimpin atau ahli daripada parti-parti pembangkang yang lain menunjukkan bahawa Ustaz Fadzil Mohd Noor sangat mengalu-alukan sebarang kerjasama ke arah membentuk negara yang berkeadilan dan mengangkat keadilan tanpa mengenyahkan prinsip serta dasar parti yang dipimpinnya. Kejayaan membentuk perpaduan blok pembangkang di bawah payung GERAK bukan sahaja menunjukkan kebolehan PAS

dalam menjayakan misi dakwah politik merentasi kepelbagaian latar belakang masyarakat yang pelbagai, bahkan menunjukkan sisi hikmah dan percaturan politik yang bijaksana oleh sosok Presiden PAS ini dalam mengendalikan polemik politik semasa di zamannya.²²

Di era kegemilangannya, Ustaz Fadzil Mohd Noor dikenali sebagai seorang yang bijak memanfaatkan peluang-peluang yang dilihat berpotensi untuk merealisasikan kesatuan dan kekuatan jentera pembangkang. United Malays National Organisation (UMNO) pernah mengalami konflik dalaman yang menyebabkan Razaleigh Hamzah bersama penyokongnya yang digelar 'Team B' telah dikeluarkan daripada parti. Razaleigh kemudiannya menubuhkan parti Semangat 46. Mengetahui hal ini, Dato' Haji Fadzil terus mengadakan rundingan dan menawarkan kerjasama dengan pihak parti Semangat 46. Hasilnya, kerjasama itu telah menyebabkan tertubuhnya Angkatan Perpaduan Ummah (APU) yang kemudiannya menjadi faktor kemenangan PAS di Kelantan pada tahun 1990 sehingga berjaya membentuk Kerajaan Negeri.²³

Seterusnya ialah pendekatan diplomasi yang dilakukan oleh Tuan Guru Haji Hadi. Tuan Guru Haji Hadi pernah memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Kesatuan Ulama Sedunia. Kebanyakan liputan tugasannya melibatkan hal ehwal Islam di peringkat antarabangsa khususnya membantu mendamaikan isu-isu politik yang berlaku di peringkat global. Tuan Guru Haji Hadi pernah menyertai rundingan secara kerjasama untuk mendamaikan konflik yang berlaku di Filipina dan Aceh. Tuan Guru Haji Hadi mencadang dan memujuk Aceh supaya menerima autonomi dan akhirnya Aceh sudi untuk menerima cadangan tersebut dan berdamai dengan Indonesia. Tuan Guru Haji Hadi juga banyak menyertai persidangan peringkat antarabangsa dengan membawa mesej kesederhanaan dan toleransi. Hal ini kerana, Tuan Guru Haji Hadi meyakini bahawa sikap tersebut merupakan kunci kepada kelancaran pelaksanaan segala perancangan ke arah merealisasikan politik Islam yang stabil dan berkesan.

²² *Suhaimi Bin Latip, "Sumbangan Fadzil Mohd. Noor Dalam Dakwah Politik" (tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015), 119*

²³ *Ibid.*, 136-137.

Selain itu, Tuan Guru Haji Hadi juga menekankan supaya beramal dengan kaedah yang sering dilakukan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat iaitu menggunakan perantaraan dalam rundingan atau perbincangan, bukannya keganasan atau ketenteraan sebagai wasilah mendepani perbezaan supaya dapat mencapai kata sepakat yang membawa kebaikan kepada rakyat di negara masing-masing.²⁴

Selain menangani isu di Asia Tenggara, Tuan Guru Haji Hadi merupakan sosok yang penting dalam politik di peringkat antarabangsa. Penyertaan dan pemergian Tuan Guru Haji Hadi menemui tokoh-tokoh politik Islam seperti ke muktamar pertubuhan-pertubuhan Islam Sedunia ke-5 yang berlangsung di Istanbul mewakili parti PAS. Hal ini secara tidak langsung mempromosi parti PAS sebagai sebuah parti Islamik yang memartabatkan nilai Islam. Tuan Guru Haji Hadi merupakan ahli jawatankuasa penyelarar gerakan Islam yang berpusat di Turki. Posisi Tuan Guru Haji Hadi telah menumbuhkan pengaruh dan sokongan tersendiri yang membantu perjuangannya untuk mendamaikan isu politik Islam yang berlaku di Turki yang mana ketika itu berhadapan dengan perlembagaan sekular. Tuan Guru Haji Hadi bersama-sama menyeru supaya menjalinkan kerjasama antara Parti Saadat dengan Parti Keadilan dan Pembangunan (AKP) serta menghentikan ketegangan yang berlaku antara dua parti Islam Turki ini.²⁵

Alumni al-Azhar seterusnya, Tan Sri Dr. Abdul Hamid bin Othman memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri, satu perjumpaan yang melibatkan pegawai-pegawai tinggi mewakili Kementerian Hal Ehwal Agama dari negara Brunei, Indonesia dan Singapura telah diadakan. Perjumpaan ini dinamakan MABIMS iaitu singkatan kepada Menteri-Menteri Agama: Negara Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura. Antara pegawai yang terlibat

²⁴ Jaffary Awang, Muhammad Adib Samsudin dan Haziyah Hussin, "Fiqh Siasah Abdul Hadi Awang dalam Isu Antarabangsa," dalam *Fiqh Siyasi Abdul Hadi Awang Dalam Sosiopolitik Malaysia dan Antarabangsa*, ed. Latifah Abdul Majid, Zuliza Mohd Kusrin dan Mazlan Ibrahim (Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2021), 228.

²⁵ Najah Nadiyah Amran, Latifah Abdul Majid dan Zuliza Mohd Kusrin, "Karier Politik dan Penulisan Abdul Hadi Awang," dalam *Fiqh Siyasi Abdul Hadi Awang Dalam Sosiopolitik Malaysia dan Antarabangsa*, ed. Latifah Abdul Majid, Zuliza Mohd Kusrin dan Mazlan Ibrahim (Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2021), 54.

ialah Menteri Agama, Pegawai Kementerian, ahli agama yang berkaitan dan pegawai yang setara dengannya dari negara masing-masing. Gagasan pertemuan ini dicadangkan oleh Dr. Abdul Hamid sendiri. Buat pertama kalinya secara tidak rasmi, perjumpaan ini mengambil tempat di Jeddah pada tarikh 20 Jun 1989. Idea Dr. Abdul Hamid adalah bagi mengadakan perjumpaan ini secara berkala pada setiap tahun bersama pegawai-pegawai agama dari negara-negara jiran adalah berfungsi sebagai medan untuk bertukar pandangan dan perkembangan isu Islam serantau.²⁶

Selain itu, isu halal dan haram turut dibincangkan dalam pertemuan tersebut. Semua pihak saling bertukar idea berkenaan budaya dan pengamalan agama di negara masing-masing. Isu sensitif berkaitan agama juga dibahaskan supaya dapat diberikan sudut pandang baharu dan solusi yang lebih praktikal untuk isu tersebut. Topik perbincangan tidak dihadkan kepada isu domestik negara sahaja, bahkan permasalahan global seperti ekstremisme disentuh dalam perbincangan. Kepelbagaian pemikiran agama dan budaya di setiap negara sedikit sebanyak sebenarnya menjadi faktor yang mencabar untuk mengekalkan keharmonian. Sebagai anggota yang bertanggungjawab mengurus tadbir hal ehwal Islam negara, kesemua wakil negara berusaha memerah idea dan pandangan untuk memikirkan cara yang berkesan dan sesuai dengan suasana masyarakat supaya dapat membendung pemikiran ekstremisme daripada mempengaruhi umat Islam di rantau Asia umumnya dan negara ahli khususnya.

²⁶ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Dulu, Kini dan Masa Depan Menuju Kecemerlangan 25 Tahun MABIMS: Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura* (Malaysia: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2014), 12-15

Agama

Menghayati firman Allah SWT yang menyeru supaya melakukan dakwah dan memberi penerangan agama dengan cara yang terbaik:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ

Al-Nahl 16:125

Terjemahan: Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik.

Ibn Kahtir mentafsirkan ayat ini dengan menyatakan bahawa seruan yang dilakukan untuk tujuan kebaikan mesti dilakukan dengan cara yang terbaik. Antaranya adalah dengan menunjukkan wajah yang baik dan tutur kata yang lemah lembut.²⁷ Dengan hal yang demikian, antara peranan para pemimpin menghadapi konflik adalah dengan memberi penerangan dan penjelasan yang berkaitan sesuatu isu dengan cara yang terbaik iaitu melakukan perancangan yang berstrategi supaya dapat menyalurkan kefahaman dan penyampaian yang menyeluruh menggunakan semua platform serta kapasiti yang ada sama ada melalui ucapan atau penulisan supaya masyarakat dapat menerima mesej tersebut dengan kelapangan hati sekaligus memahami intipatinya dengan mudah.

Sebagai contoh, ketika Dato' Seri Najib bin Abdul Razak menjadi Perdana Menteri Malaysia, pendekatan wasatiyyah dijadikan sebagai dasar negara.²⁸ Konsep wasatiyyah yang diketengahkan adalah berorientasikan kesederhanaan, pertengahan, keseimbangan, keadilan dan kecemerlangan dalam setiap gerak kerja di semua peringkat sama ada kehidupan, pentadbiran dan pelaksanaan. Hal ini kerana, Dato' Seri Najib memandang bahawa pemahaman yang benar tentang konsep wasatiyyah dan kesederhanaan akan melahirkan individu yang

²⁷ Ibn Kathir, *Tafsir al-Quran al-'Azim* (Saudi: Dar Ibn Jauzi li al-Nashr wa al-Tawzi', 2010), 721.

²⁸ Abdullah Md Zin, "Penghayatan Wasatiyyah dalam Pentadbiran Malaysia" (Seminar Antarabangsa Penghayatan Wasatiyyah dalam Kerangka Maqasid Syariah, Institut Wasatiyyah Malaysia, Menara Felda, Kuala Lumpur, 8-10 April 2014), 1-48.

mempunyai mentaliti berlapang dada, terbuka dan menjauhi ketaksuban. Sebagai Perdana Menteri, Dato' Seri Najib bercita-cita agar pendekatan tersebut dapat diimplimentasikan pada semua lapisan masyarakat sama ada di peringkat rakyat apatah lagi kerajaan. Melihat bahawa pendekatan wasatiyyah ini seiring dengan dasar kepimpinan negara, Kabinet telah meluluskan Dasar Wasatiyyah Negara pada 21 Oktober 2016.²⁹

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdullah Md Zin yang merupakan Penasihat Agama kepada Perdana Menteri dan alumni al-Azhar ketika itu secara tidak langsung terlibat sama dalam melaksanakan perancangan pelaksanaan Dasar Wasatiyyah Malaysia ini. Demi memudahkan pengurusan dan penglibatan secara terus, Dr. Abdullah Md Zin dilantik menjadi pengerusi Institut Wasatiyyah Malaysia (IMW). Konsep Dasar Wasatiyyah Malaysia ini adalah berpaksikan kepada Piagam Madinah, *Siyasah Shar'iyah*, *Fiqh al-Awlawiyyat*, *Maqasid Shariah* dan hikmah. Penghayatan terhadap gabungan aspek yang penting dalam pentadbiran Islam tersebut diharapkan menjadi inspirasi untuk memberikan kesedaran kepada seluruh warga Malaysia tentang keseimbangan dan kesederhaan dalam kehidupan.

Kerajaan telah merangka Pelan Strategik Pendekatan Wasatiyyah pada tahun 2016 sehingga 2020. Inisiatif ini menunjukkan kesungguhan pihak kerajaan untuk menerapkan nilai wasatiyyah dalam segenap urusan kehidupan masyarakat majmuk dan pendukung transformasi pembangunan tamadun yang lebih maju.³⁰ Pendekatan wasatiyyah sebagai dasar negara dilaksanakan secara berfokus dan bertumpu kepada beberapa aspek. Antaranya pendidikan dan belia, ekonomi dan pembangunan, pentadbiran dan perundangan, perpaduan dan sosial, politik dan kenegaraan serta keselamatan dan pertahanan. Institut Wasatiyyah Malaysia,³¹ Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Dasar Wasatiyyah Peringkat Kebangsaan dan Negeri telah diwujudkan demi memastikan kelancaran pengurusan dan misi perancangan dapat tercapai dengan jayanya. Konsep 1

²⁹ Jabatan Penerangan Malaysia, *Konsep 1Malaysia* (Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan Malaysia, 2009), 17.

³⁰ Jabatan Penerangan Malaysia, *Konsep 1Malaysia*, 17.

³¹ Jusoh, Abdullah Md. Zain dan Khairil Annas, *Pendekatan Wasatiyyah dalam Menghayati 1Malaysia* (Kuala Lumpur: MPH Group Printing, 2011), 32

Malaysia dengan prinsip “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” yang pernah diperkenalkan oleh Dato’ Seri Najib merupakan salah satu program yang dilancarkan sebagai usaha menyahut dan menyokong seruan idea wasatiyyah demi kesatuan rakyat Malaysia walaupun berbeza latar belakang etnik dan agama.³²

Sebagai Pengerusi Institut Wasatiyyah Malaysia, Dr. Abdullah Md Zin memandang bahawa pendekatan ini merupakan langkah yang bijak dan penting untuk menjamin kesejahteraan hidup masyarakat sejagat. Maka, pemahaman yang benar terhadap konsep wasatiyyah adalah perisai yang utuh untuk membentengi kecelaruan dan kemusnahan kesatuan rakyat Malaysia khususnya. Justeru, Dr. Abdullah Md Zin mengarang dan menerbitkan beberapa karya yang membicarakan konsep dan perbincangan tentang wasatiyyah menurut kerangka agama. Antara karangan Dr. Abdullah Md Zin ialah *Pendekatan Wasatiyyah dalam Menangani Keganasan: Pengalaman Malaysia* (2015), *Manhaj Wasatiyyah fi Muwajahah al-Irhab: Irhab Maliziya* (2014), *Penghayatan Wasatiyyah dalam Pentadbiran Malaysia* (2014), *Wasatiyyah Sebagai Manhaj Adab al-Ikhtilaf* (2015), *Pendekatan Wasatiyyah: Definisi, Konsep dan Pelaksanaan* (2013), *Pendekatan Wasatiyyah Peneraju Kepimpinan Islam di Malaysia* (2013), *Manhaj al-Wasatiyyah: Ta’rifuhu wa Mabda’uhu wa Tatbikuhu* (2013),³³ *Pendekatan Wasatiyyah dalam Menghayati 1 Malaysia* (2011) dan *1 Malaysia: Konsep Wasatiyyah dan Keadilan Sosial di Malaysia* (2010).

Selain itu, Dr. Abdullah Md Zin juga merupakan seorang kolumnis dan aktif menulis di ruangan akhbar-akhbar atas talian seperti laman sesawang rasmi Berita Harian. Dalam penulisannya banyak mengetengahkan nilai kesederhanaan serta keseimbangan rohani dan jasmani. Dr. Abdullah Md Zin juga berpesan supaya menghayati ajaran Nabi SAW dalam kepimpinan dan menjadikan ajaran Islam sebagai perisai mendepani isu pemikiran seperti ekstrimisme. Antara tajuk artikel Dr. Abdullah Md Zin yang disiarkan adalah ‘Awas agenda licik musuh politik musuh Islam’,

³² Jabatan Penerangan Malaysia, *Konsep 1Malaysia*, 13.

³³ “Abdullah Md. Zin”, laman sesawang Perpustakaan Jabatan Perdana Menteri, diakses 25 November 2024, <https://perpustakaan.jpm.gov.my/cgi-bin/koha/opac-search.pl?q=au:%22Abdullah%20Md.%20Zin%22>.

‘Hentikan isu kafir mengkafir demi ummah’ dan ‘Fiqh tabayyun mendepani fitnah liberalisme’.³⁴

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa yang terkenal sebagai seorang figura politik yang sering menyeru ke arah perpaduan nasional dan mengingatkan bahawa Islam ialah sebuah agama yang membawa rahmah kepada umat manusia. Mesej almuni al-Azhar ini dapat dilihat daripada ucapan dalam pengucapan awam atau persidangan dan penglibatan sebagai Ahli Majlis Konsultansi Perpaduan Negara. Lantikan sebagai Menteri Agama dimanfaatkan untuk merealisasikan manifesto Pakatan Harapan terutama merealisasikan idea dan mencapai matlamat untuk memacu negara melalui maqasid syariah yang menjamin kerahmatan untuk semua rakyat Malaysia.

Pelaksanaan manifesto ini direalisasikan berdasarkan tiga teras utama iaitu Islam sebagai agama rahmah, maqasid syariah sebagai pemacu pembikinan dasar dan perancangan serta model Malaysia sebagai acuan dalam pelaksanaan Islam di Malaysia.³⁵ Demikian merupakan falsafah pentadbiran Islam baharu yang cuba direalisasikan oleh kerajaan Pakatan Harapan untuk menubuhkan sebuah Negara Rahmah. Kerajaan Pakatan Harapan juga telah menggariskan tujuh kluster yang menumpukan kepada bidang-bidang tertentu secara strategik demi menjayakan visi dan misi pentadbiran Islam. Antara bidang strategik yang ditumpukan adalah kehakiman dan perundangan, dakwah dan media, pendidikan dan pembangunan insan, pengurusan haji dan halal, sosio-ekonomi, kebudayaan dan penyelidikan maqasid dan yang terakhir masjid.³⁶ Setiap aspek tersebut dilibatkan usaha meningkatkan profesionalisme bagi jawatan-jawatan yang terlibat didalamnya, memperkukuh hubungan antara jabatan dan agensi yang berkaitan, membina modul perancangan yang baharu, penilaian semula ke atas sistem-sistem yang terdahulu, memperkasakan dasar seiring dengan perkembangan terkini dan menyelaraskan piawaian.³⁷ Kesemua dasar tersebut telah

³⁴ "News Written by Tan Sri Dr Abdullah Muhammad Zin", Berita Harian, diakses 16 Oktober 2024, <https://www.bharian.com.my/authors/oleh-tan-sri-dr-abdullah-muhammad-zin>.

³⁵ Mujahid Yusof Rawa, *Membumikan Rahmatan lil `Alamin: 22 Bulan Pentadbiran Islam Di Putrajaya* (Kuala Lumpur: Ilham Books, 2021), 65

³⁶ Mujahid Yusof Rawa, *Membumikan Rahmatan lil `Alamin*, 70.

³⁷ Mujahid Yusof Rawa, *Membumikan Rahmatan lil `Alamin*, 71-79.

mendapat persetujuan dan perkenan daripada Majlis Raja-Raja Melayu untuk digerakkan segala usaha ke arah pembentukan pentadbiran Islam.³⁸

Dengan hal yang demikian, pelbagai inisiatif dilakukan oleh Dr. Mujahid selaku Menteri Agama untuk memberi penjelasan kepada rakyat, pihak-pihak berpengaruh dan pihak lawan politik tentang konsep Negara Rahmah yang cuba dibawakan memandangkan idea beliau ini berdepan dengan cabaran peraksanaan dan kerjasama kerana sering kali disalahfaham. Antaranya adalah memperkenalkan program Duta Rahmah iaitu dengan menjemput dan mengumpulkan para asatizah untuk diberikan penerangan tentang konsep model pentadbiran Islam yang baru diperkenalkan itu.

Dr. Mujahid menganjurkan program Jelajah Rahmah, Jelajah Asnaf, Inisiatif MQSD Goalas, Inisiatif Townhall Maqasid dan Inisiatif Interaksi Awam dengna Agensi Islam. Penganjuran kesemua inisiatif ini adalah selain untuk memberikan penjelasan tentang konsep dasar baharu Rahmah, ia juga merupakan salah satu langkah untuk mendekati rakyat bagi menangani isu memperkasa institusi zakat bagi membanteras kemiskinan, menyuntik semangat kerjasama untuk menjayakan misi dasar Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) 2023, menjelaskan salah faham dan tuduhan liberal yang sengaja direka ke atas usaha memeperkasakan pentadbiran Islam dan membetulkan tanggapan-tanggapan salah terhadap institusi Mahkamah Syariah.³⁹ Di peringkat JAKIM, satu seminar dengan tema “Gagasan Rahmatan lil Alamin” telah diadakan pada 14 Mac 2019 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia, Latihan Islam Malaysia, Bangi, Selangor. Objektifnya adalah untuk memberikan pemahaman berkaitan dasar Islam yang diperkenalkan oleh Kerajaan.⁴⁰

³⁸ Mujahid Yusof Rawa, *Membumikan Rahmatan lil `Alamin*, 189.

³⁹ Mujahid Yusof Rawa, *Membumikan Rahmatan lil `Alamin*, 102, 110.

⁴⁰ “Kenyataan Media YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri Berkenaan Seminar Gagasan Rahmatan lil `Alamin,” laman sesawang Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, diakses 27 November 2024, <https://www.islam.gov.my/en/media-statement/420-kenyataan-media-yb-menteri-di-jabatan-perdana-menteri-berkenaan-seminar-gagasan-rahmatan-lil-alamin>.

Di Negeri Sembilan pula, selaku badan berautoriti dalam hal ehwal agama negeri, pihak Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan di bawah pimpinan Syeikh Murtadza telah berusaha melakukan beberapa inisiatif untuk memurnikan fahaman tentang tarekat. Hal ini kerana terdapat sebahagian golongan yang memiliki pengamalan tidak berpaksikan kepada al-Quran dan hadis yang kemudiannya menyebabkan timbulnya pemikiran taksub yang melampau. Kefahaman daripada pegangan asas ilmu yang tidak benar ini juga menjadikan campur aduk dengan fahaman batin. Penyelewengan ini juga berlaku kerana dieksploitasi oleh pihak yang sedang mendapatkan pengaruh. Implikasi yang ditinggalkan oleh golongan tarekat menyeleweng ini menjadikan istilah tarekat kekal disalah fahami oleh masyarakat dan tidak kurang juga yang menganggap bahawa Islam ialah agama yang jumud hanya disebabkan tanggapan kepada sekumpulan manusia yang menzahirkan sebahagian karakter Muslim.

Walaupun dikenakan tindakan undang-undang seperti diharamkan, namun disebabkan tindakan tersebut banyak salah faham yang timbul terhadap tarekat. Selain itu, segala bahan bacaan berkait tarekat berkurangan. Mata pelajaran Tasawuf juga dimansuhkan daripada silibus pendidikan. Dengan hal yang demikian, masyarakat Muslim akan berkurangan input bermanfaat yang menghadangkan kepada kaedah pengisian jiwa. Kekosongan ini dibimbangi akan diisi dengan pengaruh pemikiran dan ideologi Barat yang boleh menggugat akidah secara halus tanpa disedari.⁴¹

Antara inisiatif yang dilakukan adalah dengan menganjurkan seminar-seminar secara berkala seperti Seminar Dakwah dan Tarekat Tasawuf Peringkat Antarabangsa pada tahun 2002, 2003, 2004 dan 2007.⁴² Menerbitkan sekitar 80 buah bahan bacaan bertema akidah, fikah dan tasawuf secara rasmi selaku pihak berpengaruh, memanfaatkan idea dan tenaga pakar dalam pelbagai bidang ilmu Islam, memperkenalkan tokoh-tokoh sufi di era silam dan semasa dan merangka undang-undang yang

⁴¹ “Kenyataan Media YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri”.

⁴² “Kenali Syeikh Tarekat al-Ahmadiyyah al-Idrisiyyah ar-Rasyidiyyah ad-Dandrawiyyah,” laman sesawang Blogger at-Tariqah al-Ahmadiyah al-Idrisiah ar-Rasyidiyah ad-Dandrawiyyah, diakses 10 Mac 2025, <https://alahmadiyyah-rasah.blogspot.com/>.

bertujuan mengiktiraf, membela, memantau, memurnikan tarekat yang diamalkan di Negeri Sembilan Darul Khusus ini.⁴³

Kesimpulan

Kedua-dua gaya pendekatan menangani konflik yang ditampilkan oleh beberapa alumni al-Azhar yang terpilih dalam sebahagian siri kepimpinan iaitu pendekatan diplomasi dan agama sememangnya meninggalkan kesan positif yang mendalam. Kedua-dua pendekatan tersebut secara realistiknya berpotensi untuk dilakukan oleh pihak pemimpin yang terlibat dalam menangani isu agama dan kaum di Malaysia kerana tokoh tersebut memiliki kuasa dan pengaruh untuk melaksana serta menentukan hala tuju pengurusan konflik negara. Pendekatan diplomasi dilakukan dalam suasana yang tenang dan meletakkan objektif untuk kepentingan bersama tanpa mementingkan ego sehingga merugikan pihak yang lain.

Manakala, pendekatan agama pula perlu meraikan prinsip agama iaitu kejujuran, ketelusan dan memudahkan penyampaian. Pematuhan kepada prinsip tersebut membantu untuk membentuk kefahaman yang jelas. Gaya pemikiran wasatiyyah tokoh-tokoh alumni al-Azhar yang terkesan dengan kaedah pengajian di Universiti al-Azhar sehingga terlihat menerusi tindakan-tindakan mereka dalam menangani konflik seharusnya diteladani oleh pemimpin semasa supaya pertimbangan yang dilakukan tidak meninggalkan impak negatif yang besar kepada masyarakat sekaligus dapat mengurangkan risiko keruntuhan perpaduan nasional kesan daripada isu konflik agama dan perkauman yang berlaku.

Rujukan

Abdullah Md Zin. "Penghayatan Wasatiyyah dalam Pentadbiran Malaysia." Seminar Antarabangsa Penghayatan Wasatiyyah dalam Kerangka Maqasid Syariah, Institut Wasatiyyah Malaysia, Menara Felda, Kuala Lumpur, 8-10 April 2014.

⁴³ "Senarai Anggota Jilsah al-Turuq al-Sufiyyah," laman sesawang Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, diakses 10 Mac 2025, <https://muftins.gov.my/tareqat-tasauwuf/senarai-anggota-jilsah-al-turuq-al-sufiyyah/>.

- “Abdullah Md. Zin”. Laman sesawang Perpustakaan Jabatan Perdana Menteri, diakses 25 November 2024, <https://perpustakaan.jpm.gov.my/cgi-bin/koha/opac-search.pl?q=au:%22Abdullah%20Md.%20Zin%22>.
- “Ahli Panel dalam Kumpulan-kumpulan Kerja PPPU Dibentuk.” Laman sesawang Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), diakses 31 Januari 2025.
- Ahmad Kamal Ariffin dan Mohamad Hanif Ramli. “Hubungan Diplomasi dengan Aspek Bahasa dan Budaya: Satu Tinjauan Ilmiah untuk Rujukan Kepimpinan Pendidikan Sekolah di Malaysia.” *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan* 32.1 (2019): 67-81.
- Aszlan Selamat dan Mohamad Iszuan Safarudin. “Penilaian Faktor Kesenjangan Etnik di Malaysia Sebagai Penghalang Perpaduan Nasional.” *Jurnal Kinabalu* 19 (2016): 77-93.
- Baterah Alias, Huzaimah Ismail dan Che Zarinna Sa’ari. “Perpaduan Kaum di Malaysia: Suatu Penilaian.” *Technology, Science, Social Sciences and Humanities International Conference (TeSSHI 2014)*, One Hotel Helang, Langkawi, Kedah, Malaysia, 5 & 6 November 2014.
- Bernama. “Krisis Nasab: Kanak-Kanak GISBH Berdepan Risiko Diisytihar Anak Wati Syubhah”, diakses 18 Disember 2025, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1303930/krisis-nasab-kanak-kanak-gisbh-berdepan-risiko-diisytihar-anak-wati>.
- Ibn Kathir. *Tafsir al-Quran al-`Azim*. Saudi: Dar Ibn Jauzi li al-Nashr wa al-Tawzi`, 2010.
- Jaffary Awang, Muhammad Adib Samsudin dan Haziyah Hussin. “Fiqh Siasah Abdul Hadi Awang dalam Isu Antarabangsa.” Dalam *Fiqh Siyasi Abdul Hadi Awang Dalam Sosiopolitik Malaysia dan Antarabangsa*, ed. Latifah Abdul Majid, Zuliza Mohd Kusrin dan Mazlan Ibrahim. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2021.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. *Dulu, Kini dan Masa Depan Menuju Kecemerlangan 25 Tahun MABIMS: Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan*

- Republik* Singapura. Malaysia: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2014.
- Jabatan Penerangan Malaysia. *Konsep IMalaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan Malaysia, 2009.
- Jusoh, Abdullah Md. Zain dan Khairil Annas. *Pendekatan Wasatiyyah dalam Menghayati IMalaysia*. Kuala Lumpur: MPH Group Printing, 2011.
- “Kenali Syeikh Tarekat al-Ahmadiyyah al-Idrisiyyah ar-Rasyidiyyah ad-Dandrawiyyah.” Laman sesawang Blogger at-Tariqah al-Ahmadiyah al-Idrisiah ar-Rasyidiah ad-Dandrawiyyah, diakses 10 Mac 2025, <https://alahmadiyyah-rasah.blogspot.com/>.
- “Kenyataan Media YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri Berkenaan Seminar Gagasan Rahmatan lil `Alamin.” Laman sesawang Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, diakses 27 November 2024, <https://www.islam.gov.my/en/media-statement/420-kenyataan-media-yb-menteri-di-jabatan-perdana-menteri-berkenaan-seminar-gagasan-rahmatan-lil-alamin>.
- Khairul Azhar Meerangani, Muhammad Ikhlas Rosele dan Syamsul Azizul Marinsah. “Pendekatan Wasatiyyah dalam Interaksi Inter-Agama di Malaysia.” *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)* 31.2 (2020): 19-46.
- Mohd Anuar Ramli dan Mohammad Aizat Jamaludin. “Uruf Majmuk: Konsep dan Amalannya dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia.” *Jurnal Fiqh* 8 (2011): 45-64.
- Muhamad Faisal Ashaari dan Muhamad A’riff Khushairi. “Isu-isu Agama dalam Hubungan antara Kaum di Malaysia 1980-2005.” *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2.1 (2019): 87-98.
- Muhamad Amar Mahmud. “Persepsi Pelajar 1 Malaysia Terhadap Kursus Hubungan Etnik: Satu Kajian di UUM.” *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)* 30.1 (2019): 92-107.
- Mujahid Yusof Rawa. *Membumikan Rahmatan lil `Alamin: 22 Bulan Pentadbiran Islam di Putrajaya*. Kuala Lumpur: Ilham Books, 2021.
- “Multaqā Perpaduan Ummah Lulus Resolusi Tangani Perpecahan.” Laman Sesawang Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), diakses 31 Januari 2025,

- <https://www.yadim.com.my/v2/multaqa-perpaduan-ummah-lulus-resolusi-tangani-perpecahan/>.
- “Multaqa Rintis Perpaduan,” laman Sesawang Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), diakses 31 Januari 2025, <https://www.yadim.com.my/v2/multaqa-rintis-perpaduan/>.
- Najah Nadiyah Amran, Latifah Abdul Majid dan Zuliza Mohd Kusrin. “Karier Politik dan Penulisan Abdul Hadi Awang.” Dalam *Fiqh Siyasi Abdul Hadi Awang Dalam Sosiopolitik Malaysia dan Antarabangsa*, ed. Latifah Abdul Majid, Zuliza Mohd Kusrin dan Mazlan Ibrahim. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2021.
- Nazri Muslim, Fazilah Idris, Rozita Ibrahim, Rozmel Abdul Latiff, Nasruddin Yunos, Ahmad Zamri Mansor dan Hasanah Abd Khafidz. “Persepsi Pelajar UKM Terhadap Hubungan Etnik di Malaysia.” *Al-Hikmah* 8(2) 2016: 38-59.
- “News Written by Tan Sri Dr Abdullah Muhammad Zin.” Berita Harian, diakses 16 Oktober 2024, <https://www.bharian.com.my/authors/oleh-tan-sri-dr-abdullah-muhammad-zin>.
- Nur Farhana Abdul Rahman dan Nur Syariah Muhammad Shah. “Persepsi Penganut Muslim dan Bukan Muslim Terhadap Isu-isu Sensitif Agama: Kajian di Lembah Klang.” *International Journal of Islamic Thought* 18 (2020): 2020: 95-109.
- P'ng Jia Qian, Muhammad Haziq Ismail, Nurul Syifa Shaid, Nrainun Sofea Najwa Hairun, Ilya Anaty Faiqah Ismail, Nurdiana Ab Halim dan Nur Azuki Yusuff. “Perbezaan Amalan Ekonomi Mengikut Kaum Menjadi Racun Perpaduan.” Dalam *E-Prosiding Wacana Perpaduan Kalangan Belia Era PKP 2.0*, ed. Nur Azuki Yusuff dan Muhammad Hafizuddin Huji. Kelantan: Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan Universiti Malaysia Kelantan, 2021.
- Mohd Anuar Ramli, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhd Imran Abd Razak, Mohamad Naqib Hamdan dan Syamsul Azizul Marinsah. “Isu-isu Sensitif dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia Pasca Pilihanraya Umum (Pru14): Aplikasi Pendekatan Kesederhanaan.” Dalam *Penyelidikan Serantau Islam dan*

Alam Melayu Pendidikan, Kewangan, Kehartaan Dan Isu Kontemporari, ed. Mohd Roslan Mohd Nor, Khader Ahmad dan Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2018.

“Senarai Anggota Jilsah Al-Turuq Al-Sufiyyah.” Laman sesawang Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, diakses 10 Mac 2025, <https://muftins.gov.my/tareqat-tasauwuf/senarai-anggota-jilsah-al-turuq-al-sufiyyah/>.

Siti Khatijah Yasin dan Fadzli Adam. “Sensitiviti Agama dalam Hubungan Masyarakat Pelbagai Kaum di Malaysia.” *Proceedings of International Conference of Empowering Islamic Civilization*, Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, 7-8 October 2017.

Suhaimi Latip. “Sumbangan Fadzil Mohd. Noor Dalam Dakwah Politik.” Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015.

“Suruhanjaya Majlis Dakwah Negara Terengganu Diwujudkan.” Laman sesawang Astro Awani, diakses 31 Januari 2025, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/suruhanjaya-majlis-dakwah-negara-terengganu-diwujudkan-142918>.